

Terengganu turut dilanda jerebu

Bacaan IPU melebihi 100, sekolah diarah henti aktiviti luar bilik darjah

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin, Mohd Iskandar Ibrahim dan Siti Azila Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Keadaan jerebu di negara ini masih tiada sebarang perubahan, malah Terengganu menjadi negeri terbaharu turut mengalami pencemaran udara ini apabila Indeks Pencemaran Udara (IPU) mencatatkan bacaan pada paras tidak sihat.

Setakat jam 6 petang semalam, tiga lokasi di negeri itu mencatatkan bacaan IPU melebihi 100, iaitu Kemaman (104), Paka (107) dan Kuala Terengganu (132).

Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Matsor Ismail, berkata pihaknya sudah memaklumkan kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) supaya pihak sekolah menghentikan aktiviti luar bilik darjah.

"Persekolahan berjalan seperti biasa kerana sekolah hanya ditutup jika bacaan IPU melebihi 200.

"Bagaimanapun kita tetap mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengarahkan sekolah menghentikan sebarang aktiviti luar bilik darjah bagi mengelak risiko kepada murid dan pelajar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dalam pada itu, sebanyak 31 lokasi mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu di Kedah memabitkan Sungai Petani (104), ma-



Pandangan udara jambatan angkat di Kuala Terengganu yang berjerebu dengan bacaan IPU pada paras tidak sihat.

(Foto Imran Makhsan/BH)

nakala di Pulau Pinang adalah Seberang Jaya (104), Balik Pulau (142) dan Minden (122).

Di Perak pula, Tasek Ipoh (137) dan Pegoh Ipoh (104).

Sementara itu, hujan di beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang, semalam, tidak memberi sebarang perubahan ke atas jerebu apabila IPU masih mencatatkan tahap tidak sihat seperti Batu Muda (156) dan Cheras (154), manakala Putrajaya (142).

Begitu juga dengan enam lokasi di Selangor masih kekal dengan catatan IPU melebihi 100, iaitu Kuala Selangor (110), Petaling Jaya (158), Shah Alam (151), Klang (130), Banting (139) dan Johan Setia Klang (167).

Di Negeri Sembilan, catatan IPU di Nilai ialah 157, Seremban (126) dan Port Dickson (167) ma-

nakala Melaka memabitkan Alor Gajah (128), Bukit Rambai (133) dan Bandaraya Melaka (125).

Di Johor, Segamat mencatatkan IPU 128, Batu Pahat (111), Kluang (107), Larkin (129) dan Tangkak (134).

Dua lokasi di Sarawak yang mencatatkan bacaan IPU bawah 200 adalah Samalaju (130) dan Bintulu (142).

Sementara itu, Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan berkata, sebanyak 2,646 sekolah memabitkan 1,715,274 pelajar ditutup semalam memabitkan Selangor; Putrajaya dan Kuala Lumpur; Pulau Pinang dan Sarawak.

Di Pulau Pinang, IPU di seluruh negeri ini sudah terkeluar dari bacaan sangat tidak sihat, setakat jam 11 pagi semalam, Berdasarkan pemantauan di

Kita tetap mengambil langkah berjaga-jaga dengan mengarahkan sekolah menghentikan aktiviti luar bilik darjah bagi mengelak sebarang risiko kepada murid dan pelajar.

Matsor Ismail, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

Portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), kawasan Balik Pulau yang sebelum ini paling teruk terjejas dengan bacaan IPU melebihi 200 sudah mula menurun kepada paras tidak sihat, iaitu 197.

Begitu juga di Minden apabila bacaannya menunjukkan penurunan kepada 166 berbanding 171 pada jam 10 pagi tadi.

Dua lokasi lagi itu Seberang Jaya dan Seberang Perai turut menurun masing-masing kepada 138 dan 125.

Kelmarin, dua lokasi di Pulau Pinang iaitu Daerah Timur Laut dan Barat Daya mencatatkan bacaan melebihi paras 200 menyebabkan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNNP) mengeluarkan arahan penutupan semua sekolah, semalam.

Udara Sarawak antara paling tercemar di dunia

Kuala Lumpur: Enam lokasi di Sarawak tersenarai antara kawasan pencemaran udara tertinggi dunia berikutan masalah jerebu rentas sempadan.

Berdasarkan laman web World's Air Pollution: Real-time Air Quality Index (WAQI) yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS), Kuching yang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) 264, Sibul (246), Sarikei (238), Samarahan (220), Sri Aman (210) dan Mukah (202) setakat jam 6 petang semalam.

Bagaimanapun, Indonesia berada di tempat pertama kedudukan senarai berkenaan apabila Jabang Timur mencatatkan bacaan IPU 299 menghampiri paras berbahaya diikuti Pekan Baru (262).

Jerebu yang melanda negara sejak dua minggu lalu menyebab-

Fakta Nombor

6 lokasi

di Sarawak tersenarai antara kawasan pencemaran udara tertinggi dunia

264

IPU di Kuching setakat jam 6 petang semalam

299

IPU di Jabang Timur, Indonesia

kan lebih 2,000 sekolah ditutup setakat ini selepas bacaan IPU melebihi paras 200.

Malah, media antarabangsa sebelum ini melaporkan ribuan sekolah di seluruh Asia Tenggara terpaksa ditutup susulan jerebu akibat kebakaran besar di sebahagian besar kawasan hutan hujan Indonesia.

Kawasan besar hutan di Sumatera dan Borneo terbakar ketika ribuan anggota bomba berusaha mengekang api, yang kerap dimulakan untuk membersihkan ladang.

Pembakaran hutan untuk membuka jalan bagi perladangan juga dikatakan menjadi dalang kebakaran besar yang kini berlaku di Amazon Amerika Selatan dan pakar percaya ia memberi impak serius kepada iklim global.



Kuching catat bacaan IPU 264 susulan pembakaran hutan di Kalimantan Barat, Indonesia. (Foto L Manimaran/BH)